

# JUU LEX READ

#BLOCK  
OUT 2024

WAVE  
EXPRESSION  
OF  
FREEDOM

HAFIQ  
HASAN  
BASRI

ULASAN DRAMA:  
**W: TWO  
WORLDS**



Writes:

A JOURNEY OF  
EXPLORATION  
AND GROWTH




JUU LEX READ

e-ISSN: 2811-3462

# KEGUSARAN TERHADAP MINAT BELAJAR DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH:

## Salah Siapa?

OLEH: MOHD ISLAH MOHD YUSOF & MOHD SYAHRIL BIN IBRAHIM  
(islah3483@uitm.edu.my) & (syah86@uitm.edu.my)



A B C



# P

endidikan memainkan peranan penting kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyatnya. Sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia telah membuat kemajuan besar dalam memperluas akses kepada sistem pendidikan termasuk dengan kadar pendaftaran dalam pendidikan awal kanak-kanak, sekolah rendah, menengah rendah, menengah atas, dan pendidikan tinggi melebihi peratusan yang ketara (Latif. el, 2022; Stedler, 2022).



Sistem pendidikan di Malaysia bertujuan membangunkan pelajar secara holistik, memberi tumpuan kepada dimensi intelektual, rohani, emosi, dan fizikal, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan ia diperkuat melalui undang-undang sedia ada yang terpakai di Malaysia seperti **Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)**, **Dasar Pendidikan Kebangsaan**, **Akta Kanak-Kanak 2001**, **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025**, **Dasar Pendidikan Vokasional dan Teknikal**, serta undang- undang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Tambahan pula, pemerkasaan sistem kepimpinan pelajar telah dikenal pasti sebagai elemen penting sistem demokrasi pendidikan di universiti awam, yang menekankan kepentingan pemahaman dan penghargaan pemimpin masa depan terhadap peranan mereka sebagai rakyat Malaysia. Ketika Malaysia terus menangani cabaran berkaitan penyediaan dan penyampaian pendidikan, isu kualiti, dan tadbir urus, sistem pendidikan tetap menjadi pusat kepada pertumbuhan ekonomi negara, pembangunan nasional, dan pembentukan pemimpin masa depan yang berwibawa.

Dewasa kini, pelbagai pihak seperti ibu bapa, guru dan orang awam telah bersuara berkenaan dengan kegusaran mereka berkenaan minat belajar di kalangan pelajar sekolah semakin membimbangkan. Hakikatnya, segelintir pelajar tidak melihat pelajaran itu sebagai sesuatu yang penting untuk mereka. Hal ini dibuktikan baru-baru ini apabila seorang pelajar dengan bangganya berkongsi keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di laman media sosial beliau memaparkan keputusan kegagalan 100 % terhadap kesemua mata pelajaran yang diambil pada tahun 2023. Adakah sistem pendidikan di Malaysia kini semakin membimbangkan? Kepada siapa kesalahan ini perlu diletakkan? Apakah faktor yang menyumbang terhadap isu ini?


Menyalahkan hanya kepada satu pihak sahaja tidak dapat menyelesaikan masalah. Salah satu punca hilangnya minat pelajar untuk belajar adalah disebabkan oleh sistem pendidikan dan kurikulum sedia ada yang sering berubah dan kurang menarik. Kurikulum yang terlalu berorientasikan peperiksaan dan kurang memberi penekanan kepada pembelajaran bermakna dan interaktif boleh mengurangkan minat pelajar.

Selain itu, pendekatan pengajaran yang tidak fleksibel dan kurang inovatif boleh membuat pelajaran menjadi membosankan dan tidak relevan kepada pelajar.


## Tenaga Pengajar DAN Kaedah Pengajaran

Di antara peranan utama pendidik adalah dengan memastikan ilmu yang diberikan kepada pelajar disampaikan dengan cara yang berkesan dan tidak membosankan. Tenaga pengajar yang tidak bersemangat atau menggunakan kaedah pengajaran yang tidak menarik boleh menyebabkan pelajar kurang berminat. Rata-rata pendidik yang tidak dapat menghubungkan pembelajaran dengan dunia nyata tidak dapat menarik minat pelajar untuk memberikan tumpuan yang baik ketika belajar. Kaedah pengajaran yang dinamik, inovatif dan kreatif harus diberikan tumpuan oleh tenaga pengajar bagi memupuk minat mereka untuk terus belajar.





Sikap pelajar itu sendiri juga turut menyumbang kepada perkara ini. Pelajar yang kurang motivasi atau mempunyai sikap negatif terhadap pembelajaran boleh menjadi tidak berminat. Faktor ini mungkin dipengaruhi oleh pelbagai aspek termasuk tekanan rakan sebaya, masalah keluarga, atau isu peribadi. Selain itu, pelajar yang menghadapi kesukaran dalam belajar, sama ada disebabkan oleh kelemahan akademik atau gangguan pembelajaran, mungkin kehilangan minat jika mereka merasa sukar untuk mengikuti pelajaran. Oleh itu, komunikasi dua hala pendidik dan pelajar adalah penting untuk mengatasi perkara ini. Pendidik yang tidak mengambil berat atau tidak berupaya untuk memahami keperluan dan minat pelajar boleh menyebabkan mereka hilang minat.



Peranan di luar kelas juga penting bagi memupuk minat pelajar untuk terus menuntut ilmu. Sebagai contoh, peranan ibu bapa sendiri bagi memberikan sokongan moral kepada pelajar. Ibu bapa yang tidak memberi sokongan atau tidak terlibat dalam pendidikan anak-anak mereka boleh menyumbang kepada kurangnya minat belajar. Sikap ibu bapa terhadap pendidikan juga boleh mempengaruhi sikap anak-anak mereka. Pada zaman yang serba kompetitif sekarang, semua pihak berlumba-lumba untuk memastikan pencapaian yang terbaik daripada pelajar. Dengan tekanan yang terlalu tinggi daripada ibu bapa untuk mencapai keputusan cemerlang tanpa memberi perhatian kepada minat dan kebolehan anak-anak boleh menyebabkan keletihan dan kehilangan minat dalam belajar.

Sekolah yang kurang kemudahan atau sumber yang diperlukan untuk pembelajaran yang menarik juga boleh menyumbang kepada kekurangan minat pelajar untuk menuntut ilmu. Keadaan kelas yang sesak dan persekitaran yang tidak kondusif juga boleh menjadikan motivasi pelajar.

Isu ini sering dibangkitkan di peringkat sekolah mahupun ke pihak kementerian, namun sekiranya peruntukan dan kewangan yang agak terhad, semua pihak perlu berlapang dada dengan situasi yang berlaku. Hakikatnya, ramai pihak termasuk Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) mengambil inisiatif sendiri untuk menambah baik infrastruktur yang sedia ada demi memberikan persekitaran yang terbaik buat pelajar. Ia selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan selain menaiktaraf pendigitalan sistem pendidikan, pembangunan fasiliti dan infrastruktur tambahan di sekolah adalah penting bagi menjadikan persekitaran pembelajaran lebih kondusif dan selamat buat pelajar.

## Cadangan Dan Rumusan

Kesedaran tentang pembelajaran adalah peranan penting yang melibatkan semua pihak dan memerlukan komitmen yang konsisten bagi kelangsungan proses pembelajaran tersebut berlaku relevan mengikut peredaran semasa. Inisiatif dan usaha yang dilaksanakan bagi pelajar-pelajar bukan sekadar memenuhi kehendak sistem sekolah atau kurikulum semata-mata tetapi memberi impak baik dalam diri mereka.

Selain itu, pendekatan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran juga dapat membantu dalam meningkatkan minat mereka tetapi perlu pemantauan dan panduan yang betul. Terdapat juga banyak program kolaborasi antara sekolah dan universiti serta sekolah dan syarikat industri luar antara langkah yang baik sebagai pendedahan awal. Namun begitu, peranan pendidik dalam menyebarkan setiap ilmu yang diajari perlu diberi penekanan akan hikmah ilmu tersebut dan adabnya terhadap pelajar.

Justeru, penerapan aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang interaktif dan inovatif, pengajaran yang berpusatkan pelajar, persekitaran pembelajaran yang kondusif, hubungan positif antara pelajar dan pendidik serta penglibatan ibu bapa dan komuniti dilihat sebagai tunjang utama dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih baik dan lebih menarik bagi pelajar. Dengan menggabungkan pelbagai pendekatan ini, sekolah dapat mencipta persekitaran pembelajaran yang lebih menarik dan memberi motivasi kepada pelajar untuk suka belajar dan mencapai potensi penuh mereka.



## RUJUKAN

Ab., Latif, Ibrahim., Anuar, Safian., Ahmad, Aizuddin, Md, Rami., W., K., A., Wan, Mokhtar., Farah, Syazrah, binti, Mohd, Ghazalli. (2022). The Influence of Public University Student Leadership on Democratization Education in Malaysia. International Journal of Human Resource Studies, doi: 10.5296/ijhrs.v12i3.20089

Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

Martin, Andreas, Stadler. (2022). Overview of Education in Malaysia. doi: 10.1007/978-981-16-8136-3\_12-3